

**PENGGUNAAN KALIS JAWI DAN TRAVELING FILE DALAM MENINGKATKAN
KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF JAWI DI SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN CINA (SJKC)**

**[THE USE OF KALIS JAWI AND TRAVELING FILE IN IMPROVING THE SKILLS
OF CONNECTING JAWI LETTERS IN CHINESE NATIONAL-TYPE PRIMAY
SCHOOLS]**

SURIANIWATI SHARIFUDIN^{1*} & KHADIJAH ABDUL RAZAK¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: surianiwatisharifudin@gmail.com

Received: 26 February 2022

Accepted: 4 March 2022

Published: 9 March 2022

Abstrak: Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di musim pandemik Covid-19 ini memberikan kekangan kepada murid sekolah rendah luar bandar untuk mendapatkan maklumat pembelajaran dengan lebih efisien. Tambahan pula, kemahiran murid dalam pembelajaran bidang Jawi turut merosot. Justeru, penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* merupakan gabungan bahan bantu mengajar bertujuan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan, tahap minat dan sikap murid terhadap penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di kawasan luar bandar Sarawak. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden terdiri daripada 24 orang murid Tahap 2. Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan pencapaian murid terhadap kemahiran menyambung huruf Jawi. Selain itu, tahap minat dan sikap murid berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan kesan yang positif terhadap peningkatan penguasaan murid dalam tulisan jawi serta dapat memberikan manfaat kepada para guru Pendidikan Islam dan pihak-pihak tertentu untuk terus cakna dengan masalah pembelajaran murid dalam kemahiran menulis Jawi.

Kata kunci: Menyambung huruf Jawi, sikap, minat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Abstract: Teaching and Learning at Home (PdPR) in this Covid-19 pandemic season puts a constraint on rural primary school students to obtain learning information more efficiently. In addition, students' skills in learning the field of Jawi also declined. Thus, the use of KALIS Jawi and Traveling File is a combination of teaching aids aimed at improving students' learning performance in the skills of connecting Jawi letters. The study was conducted to identify the effectiveness, level of interest and attitude of students towards the use of KALIS Jawi and Traveling File in improving the skills of connecting Jawi letters in Chinese National-Type Schools (SJKC) in rural Sarawak. This quantitative research used a questionnaire as the instrument. The respondents consisted of 24 level 2 students. The results of this study found that there was an increase in students' achievement on the skills of connecting the Jawi letters. In addition, the level of interest and attitude of students are at a high level. The results of this study are expected to provide a positive effect on improving students' proficiency in Jawi writing and can provide benefits to Islamic Education teachers and certain parties to continue to deal with students' learning problems in Jawi writing skills.

Keywords: Connecting Jawi letters, attitudes, interest, Chinese National-Type Schools.

Cite This Article:

Surianiwati Sharifudin & Khadijah Abdul Razak. 2022 Penggunaan KALIS Jawi dan Traveling File dalam Meningkatkan Kemahiran Menyambung Huruf Jawi di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) [The Use of KALIS Jawi and Traveling File in Improving The Skills of Connecting Jawi Letters in Chinese National-Type Primay Schools]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 115-128.

PENGENALAN

Kemahiran menulis adalah penting dalam pendidikan terutamanya di peringkat awal kanak-kanak. Walaupun proses pengajaran dan pembelajaran kini perlu seiring dengan teknologi digital namun menurut Jaslinah dan Hillary (2019) menulis dianggap sebagai satu cara untuk meluahkan perkataan melalui huruf yang dibentuk, cara gengaman pensil dan postur badan. Menulis memerlukan kemahiran yang melibatkan kecekapan pancaindera mata, koordinasi tangan dan mata, lengan, ingatan, postur dan kawalan badan (Beaty & Pratt, 2007). Menurut Sapie Sabilan, Mohd Borhan Jamaluddin dan Siti Ngai'sha Mohni (2018) menulis jawi juga memerlukan gabungan keupayaan kognitif dan psikomotor serta koordinasi mata dan otak agar dapat menghasilkan bentuk tulisan Jawi dengan betul. Sekiranya mata dan tangan tidak fokus terhadap huruf yang hendak di tulis akan menjadikan tulisan yang dibentuk tidak tepat. Walaupun mengalami masalah tulisan rumi yang tidak kemas namun dapat diperbaiki dengan latih tubi. Berbeza pula dengan tulisan jawi yang memerlukan kemahiran untuk mengenal dan mengingat bentuk huruf sekiranya bersambung dengan huruf-huruf yang lain.

Pembelajaran jawi di peringkat sekolah rendah diajarkan kepada murid Pra Sekolah hingga Darjah 6. Kajian-kajian lepas juga mendapati masih terdapat murid yang lemah dalam penguasaan jawi (Naquiah Nahar & Jimain Safar 2016; Nik Rosila 2007) terutamanya murid-murid di sekolah rendah dan menengah yang masih ada lagi tidak mahir dan tidak berminat dengan tulisan Jawi (Faisal & Niswa, 2009). Matlamat pembelajaran jawi adalah untuk memastikan murid dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi. Namun didapati murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) menghadapi masalah untuk menyambung huruf jawi tunggal atau suku kata. Seperti mana dapatan kajian Mohamad Khairi dan Mohd Nazer (2017), prestasi pencapaian murid Islam di SJKC daerah Kota Setar dalam Pendidikan Islam merosot kerana murid kurang mahir dalam tulisan jawi disebabkan hanya 30% daripada 300 orang murid sahaja yang lulus dalam mata pelajaran Jawi. Kajian Liong, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Anuar Ahmad (2019) pula mendapati majoriti pelajar bumiputera di Sarawak memilih untuk belajar di SJKC kerana sistem pentadbiran dan pengurusan yang sistematik dan baik. Hasil kajian pula menyatakan ibu bapa Melayu menghantar anak-anak belajar di SJKC kerana mementingkan pencapaian akademik anak-anak mereka terutamanya dalam mata pelajaran Matematik dan Sains (Liong et al., 2019).

Berdasarkan kepada persepsi ibu bapa terhadap tujuan menghantar anak-anak mereka ke SJKC, ia memberikan satu cabaran dalam bidang Pendidikan Islam. Guru-guru Pendidikan Islam perlu berusaha menjadikan murid minat belajar Jawi. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyarankan beberapa kaedah pembelajaran jawi (Naquiah Nahar & Jimain Safar, 2016), namun begitu guru hendaklah mempelbagaikan pendekatan dan strategi

pengajaran (Muhamad Suhaimi, Mohd Yusuf & Roslee 2014) serta sentiasa cuba menyesuaikan dan tidak terhad kepada kaedah tertentu sahaja (Asyraf Ridwan, 2013).

Terdapat beberapa kajian sebelum ini berkaitan kaedah penguasaan kemahiran Jawi yang memberi penekanan kepada cara menyambung huruf Jawi seperti kaedah Dalil Avu Zar Zad (Dalilah Desa, 2008); Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (Naziroh, 2015); penggunaan kad warna Jawi (Sapie Sabilan et al., 2018); penggunaan media interaktif (Azrulhizam Shapii et al., 2020). Menurut Fauziah Md Jaafar, Ragisah Osman, Khaliza Saidin dan Nurhafizah Abdan (2017) kajian terhadap kaedah pembelajaran koperatif terhadap penguasaan kemahiran Jawi masih kurang dijalankan. Tambahan pula, kurangnya kajian berkaitan pembelajaran jawi di SJKC. Cabaran dalam pembelajaran jawi memerlukan usaha yang lebih gigih bagi membantu murid meningkatkan kemahiran menulis jawi dengan baik. Gabungan inovasi bahan pembelajaran dengan kaedah PAK-21 perlu dipraktikkan agar murid juga tidak keciciran dalam tulisan jawi. Permasalahan pembelajaran murid dari aspek kemahiran menyambung huruf jawi dan ditambah pula dengan latar belakang murid berdasarkan faktor sosio ekonomi, geografi dan kekangan capaian internet di lokasi kajian maka gabungan penggunaan Kad Lampu Isyarat Sambung Jawi (KALIS Jawi) dan kaedah *Traveling File* dicadangkan dalam kajian ini sebagai intervensi untuk mengatasi kelemahan murid dalam menyambung huruf-huruf jawi menjadi perkataan. Justeru itu, penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* digunakan bagi membantu murid-murid di SJKC luar bandar Sarawak untuk meningkatkan kemahiran dalam tulisan jawi.

Objektif kajian yang dijalankan adalah bagi mengenal pasti keberkesanan, minat dan sikap murid terhadap penggunaan Kad Lampu Isyarat Sambung Jawi (KALIS Jawi) dan *Traveling File* dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Kajian ini juga membangkitkan persoalan tentang adakah penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* ini dapat memberi kesan terhadap kemahiran menyambung huruf jawi, tahap minat dan sikap murid terhadap penggunaan intervensi (KALIS Jawi) dan *Traveling File*.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat banyak kaedah yang disarankan namun Asyraf Ridwan (2013) menyatakan cara pengajaran jawi tidak hanya terhad kepada satu kaedah sahaja. Pelbagai kaedah yang sesuai boleh digunakan mengikut tahap murid. Bagi mengembalikan semula kemasyhuran tulisan jawi Shakila Ahmad et al. (2011) mencadangkan agar penggunaan kaedah dan teknik yang kreatif dan menarik perlulah dilaksanakan dalam pembelajaran jawi. Menurut Normazidah (2012); Mohamad Radhi Mohamad Yusof dan Hafizhah Zulkifli (2021) penggunaan kaedah dan teknik yang kreatif dan menarik dapat meningkatkan kefahaman, minat dan pelibatan aktif murid. Penggunaan bahan bantu pembelajaran juga penting bagi memudahkan guru untuk menyampaikan sesuatu konsep dan isi kandungan pembelajaran kepada murid. Bahan bantu mengajar (BBM) membantu guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. BBM yang memberi kesan kepada murid menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2012) adalah BBM yang mempunyai ciri-ciri idea yang jelas, tulisan yang besar dan jelas, warna dan saiz yang menarik, tahan lama, memberi kesan kepada peningkatan murid dan murah. Kebanyakan guru sekolah rendah menggunakan bahan bantu mengajar konkrit untuk meningkatkan kefahaman murid tentang topik yang diajar oleh guru. Warna yang pelbagai juga didapati menarik dan

merangsang murid untuk mudah mengingat. Menurut pandangan Baharuddin Aris (2002) dalam kajian Nornajidah (2008) warna didapati lebih menonjol untuk mempersembahkan maklumat berbanding bentuk. Penghasilan BBM memberi kepentingan kepada murid dalam pembelajaran (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010).

Dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf-huruf jawi Sharifah Norhaliza (2012) membuat kajian dengan menggunakan Kad Geng Jawi. Kad yang dibina mengandungi dua kelompok warna iaitu biru dan merah. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan terhadap mengenal pasti dan menulis huruf Jawi yang tidak boleh bersambung. Begitu juga dengan kajian Sapiee Sabilan et al. (2018) tentang Penggunaan Kad Warna Jawiku direka dalam bentuk jadual yang mempunyai dua kelompok warna iaitu biru dan kuning. Walaupun murid dapat mengingat warna pada kelompok huruf yang ditentukan fungsinya dan mengenali huruf yang mana boleh disambungkan dengan huruf lain tetapi kebarangkalian penulisan bentuk huruf itu akan menjadi tidak tepat apabila dirangkaikan. Ini kerana murid hanya menghafal kelompok huruf berdasarkan warna sahaja tetapi tidak mengingati bagaimana rupa bentuk huruf Jawi apabila disambungkan. Mohd Hatta Mohamed Ali, Anwar Hafidzi, Juliana Mohamed, Mariam Abdul Hamid, Ida Aryanie Bahrudin dan Norazman Abdul Samad (2021) dalam kajiannya mendapati salah satu elemen keberkesanan aplikasi pembelajaran mobil yang direka adalah penggunaan warna yang menarik.

Walaupun terdapat beberapa kajian sebelum ini berkaitan kaedah penguasaan kemahiran jawi yang memberi penekanan kepada cara menyambung huruf jawi iaitu kaedah Dalil Avu Zar Zad (Dalilah Desa, 2008); kad geng jawi (Sharifah Norhaliza, 2012); Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (Naziroh, 2015); penggunaan kad warna jawi (Sapie Sabilan et al., 2018); penggunaan media interaktif (Azrulhizam Shapii et al., 2020) namun pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlulah digunakan seperti penggunaan kaedah pembelajaran koperatif. Menurut Fauziah Md Jaafar et al. (2017) kajian terhadap kaedah pembelajaran koperatif terhadap penguasaan kemahiran jawi masih kurang dijalankan. Kajian keberkesanan pengajaran konstruktivisme terhadap murid sekolah rendah di daerah Sungai Petani, Kedah memberikan kesan positif terhadap minat dan keseronokan murid belajar Jawi (Aishatul Rodziah & Mardzelah, 2014). Walaupun murid seronok belajar tetapi pengkaji berpendapat kemahiran dalam menulis jawi mestilah diutamakan.

Definisi minat menurut Bernard (2007) dalam Mohd Eezani Hamdzah dan Shahlan Surat (2020) adalah kesan daripada penglibatan dan pengalaman ketika melakukan aktiviti. Minat dan tumpuan murid menurut Noraziah dan Noor Azam (2019) adalah bergantung kepada strategi PdPc yang diamalkan oleh guru. Minat murid dapat dipupuk apabila pembelajaran secara koperatif digunakan berbanding kaedah berpusatkan guru. Pembelajaran berpusatkan murid dapat memberikan keseronokan dan meningkatkan minat murid untuk belajar (Adly dan Mardzelah, 2016). Melalui pembelajaran koperatif menjadikan murid menjadi lebih minat dan lebih yakin menyumbangkan idea serta melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran berbanding kaedah berpusatkan guru (Faridah & Saifulnizam, 2017).

Merujuk kepada tinjauan literatur kajian-kajian lalu dan seterusnya disesuaikan pula dengan sampel kajian, pengkaji memilih untuk menghasilkan bahan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan murid. Kemudian diintegrasikan dengan salah satu aktiviti PAK-21 iaitu *Traveling File* semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas. Kad Lampu Isyarat Sambung Jawi (KALIS Jawi) ini dihasilkan untuk kepentingan murid-murid di

SJKC kawasan luar bandar di Sarawak yang masih mengalami masalah dan kelemahan dalam menyambung huruf Jawi setelah pengkaji membuat pemerhatian dan tinjauan awal dari pelbagai aspek dan faktor halangan yang dihadapi. Antaranya tidak semua murid memiliki alat peranti sendiri seperti komputer riba dan telefon pintar. Selain itu, kekangan dalam capaian internet, masalah sosio ekonomi keluarga dan latar belakang ibu bapa yang tiada pendidikan asas tulisan Jawi. Suzana, Ahmad Marzuki dan Azman (2016) menyatakan keupayaan murid dalam kemahiran penulisan Jawi terbatas dalam pembelajaran dan pengawasan guru di sekolah. Pengkaji berharap murid dapat menggunakan bahan ini sebagai bahan bantu belajar di rumah. Kajian ini diharapkan dapat juga membantu murid untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran murid dalam tulisan Jawi terutamanya apabila melaksanakannya di rumah tanpa bantuan guru. Kad Lampu Isyarat Sambung Jawi (KALIS Jawi) diharapkan dapat diguna pakai juga oleh murid di rumah sekiranya Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berterusan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang merujuk kepada Model kajian tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988). Instrumen soal selidik digunakan sebagai alat kajian bagi mendapatkan data yang diperlukan berkaitan kajian. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan bagi mengenal pasti keberkesanan minat dan sikap serta tahap motivasi terhadap penggunaan KALIS Jawi dan Traveling File dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi.

Populasi kajian adalah terdiri daripada murid-murid di sebuah sekolah SJKC kawasan luar bandar Sarawak. Responden yang digunakan adalah terdiri daripada 24 orang murid Tahap 2 yang beragama Islam yang terdiri daripada 10 orang murid lelaki dan 14 orang murid perempuan. Murid-murid ini dipilih sebagai responden kajian kerana masih mengalami masalah dan kelemahan dalam menyambung huruf-huruf Jawi.

Instrumen kajian menggunakan soalan ujian pra dan ujian pasca serta soal selidik. Instrumen soal selidik digunakan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan dan minat murid. Data yang dikumpul kemudian dianalisis dengan menggunakan dua kaedah iaitu pemarkahan dalam bentuk peratusan dan analisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0.

DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pengkaji menganalisis maklumat yang diperolehi daripada 24 orang responden bagi mendapatkan data berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Taburan Demografi Responden

Jadual 1: Taburan kekerapan profil responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina Lelaki	10	41.7

	Perempua n	14	58.3
Bangsa	Melayu	18	75.0
	Cina	3	12.5
	Iban	3	12.5
PBD Pendidikan Islam	Tahap 1	0	0
	Tahap 2	6	25.0
	Tahap 3	14	58.3
	Tahap 4	4	16.7
	Tahap 5	0	0
	Tahap 6	0	0

Seramai 24 orang murid telah terlibat dalam kajian yang dijalankan. Murid-murid ini didapati masih mengalami masalah dan kesalahan dalam menyambung huruf Jawi. Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan responden. Berdasarkan hasil kajian, seramai 10 orang atau 41.7% responden adalah lelaki manakala 58.3% atau 14 orang responden adalah perempuan. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan didapati bahawa responden terdiri daripada pelbagai bangsa. Majoriti responden adalah bangsa Melayu iaitu sebanyak 75.0% atau seramai 18 orang. Seterusnya diikuti dengan 12.5% atau 3 orang responden pula terdiri daripada bangsa Cina manakala 3 orang lagi atau 12.5% responden pula dari keturunan Iban.

Jadual 1 juga menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 8.3% atau 14 orang responden mendapat Tahap Penguasaan 3 dalam Pentaksiran Bilik Darjah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam pada tahun 2020. Manakala 25.0% atau 6 orang mewakili responden yang mendapat Tahap Penguasaan 2 dan 16.7% atau seramai 4 orang responden pula memperoleh Tahap Pencapaian 4. Tiada murid yang mencapai tahap 5 dan 6.

Skor Pencapaian dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca


Berdasarkan Jadual 2, tahap pencapaian tertinggi pada ujian pra adalah baik dengan 8.3%. Seramai 9 orang mendapat keputusan gred C, 6 orang mendapat gred D dan 7 orang responden pula gagal iaitu belum mencapai tahap minimum dengan gred E seramai 29.2%. Namun begitu, selepas intervensi KALIS Jawi dan *Traveling File* dilaksanakan, terdapat peningkatan yang ditunjukkan dalam ujian pasca dengan tahap pencapaian tertinggi adalah cemerlang, iaitu gred A sebanyak 20.8%. Kelompok terbanyak adalah responden yang memperoleh gred B dalam ujian pasca adalah seramai 11 orang iaitu 45.8%. Seorang murid didapati masih belum mencapai tahap minimum dan memperoleh gred E.

Jadual 2: Analisis skor ujian pra dan ujian pasca

Gred	Skor Markah	Tahap	Ujian Pra		Ujian Pasca	
			Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
A	80-100	Cemerlang	0	0	5	20.8

B	65-79	Baik	2	8.3	11	45.8
C	50-64	Memuaskan	9	37.5	7	29.2
D	40-49	Mencapai Tahap Minimum	6	25	1	4.2
E	0-39	Belum Mencapai Tahap Minimum	7	29.2	1	4.2
Jumlah			24		24	

Berdasarkan rajah 1, analisis keseluruhan mendapati terdapat peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 24.2% dalam ujian yang dijalankan ke atas responden. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan KALIS jawi dan *Traveling File* dapat membantu responden untuk meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi dengan betul.



Rajah 1: Graf perbandingan purata peratusan pencapaian ujian pra dan ujian pasca

Jadual 3: Analisis ujian-t dua sampel bersandar skor ujian pra dan ujian pasca

	Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig
Ujian Pra- Ujian Pasca	-24.17	6.27	-18.99	23	.000

Berdasarkan jadual 3, ujian-t dua sampel bersandar juga dilakukan bagi menguji perbezaan antara skor responden sebelum dan selepas penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi. Hasil analisis mendapati bahawa ujian-t sampel adalah signifikan ($t(23) = -18.99, p < 0.05, d = 3.85$). Secara statistik dan Kesan Saiz ini ($d = 3.85$) adalah besar berdasarkan Cohen (1988). Maka, penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* mampu meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi.

Keberkesanan Penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* dalam Kemahiran Menyambung Huruf Jawi

Jadual 4: Keberkesanan penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi.

Kod	Item	Kekerapan - (%)					M	SP	Tahap
		1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS			
B1	Saya dapat membezakan huruf jawi yang boleh bersambung dan yang tidak boleh bersambung selepas menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i>	0	0	1 (4.2)	11 (45.8)	12 (50)	4.46	.588	Tinggi
B2	Saya ingat bentuk huruf jawi apabila bersambung dengan huruf yang lain selepas menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i>	0	2 (8.3)	6 (25)	10 (41.7)	6 (25)	3.83	.917	Tinggi
B3	Saya dapat menyambung huruf jawi selepas menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i>	0	0	2 (8.3)	17 (70.8)	5 (20.8)	4.13	.537	Tinggi
B4	Penggunaan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i> memudahkan saya memahami cara menyambung huruf Jawi dengan betul	0	0	4 (16.7)	13 (54.2)	7 (29.2)	4.13	.680	Tinggi
B5	Penggunaan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i> membantu saya membuat latihan Jawi dengan betul	0	0	6 (25)	13 (54.2)	5 (20.8)	3.96	.690	Tinggi
B6	Penggunaan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i> membantu saya memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam bidang Jawi	0	0	0	18 (75)	6 (25)	4.25	.442	Tinggi
Min Keseluruhan							4.13	.518	

Berdasarkan dari jadual 4, kajian mendapati skor min tertinggi adalah item B1. 50% responden sangat setuju dapat membezakan huruf jawi yang boleh bersambung dan yang tidak boleh bersambung dengan huruf selepasnya dengan nilai skor tertinggi (min=4.46, sisihan piawai=0.588). Analisis kajian mendapati penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* ini dapat membantu responden untuk membuat perbezaan 3 kelompok huruf yang boleh atau yang tidak boleh disambung. Selepas menggunakannya, didapati 70.8% responden setuju dengan item dapat menyambung huruf jawi dengan skor min [min=4.13, sisihan piawai =0.537]. Responden juga lebih mudah faham untuk menyambung huruf jawi (min=4.13, sisihan piawai =0.690). Dapat dibuktikan dengan dapatan skor (min=4.25, sisihan piawai =0.442) kajian ini membantu murid memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam bidang jawi.

Analisis juga menunjukkan walaupun min bagi item B2 sedikit rendah berbanding item yang lain namun murid ingat bentuk huruf jawi apabila bersambung dengan huruf yang masih pada tahap tinggi. Secara keseluruhan didapati penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* memberi kesan yang positif dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi berada dan pada tahap tinggi iaitu (min=4.13, sisihan piawai =0.518).

Minat dan Sikap Murid terhadap Penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File*Jadual 5: Minat dan sikap murid terhadap penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File*

Kod	Item	Kekerapan – (%)							
		1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS	M	SP	Tahap
B7	Saya berasa bersemangat selepas mengikuti pelajaran Jawi menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i> selepas menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i>	0	0	0	19 (79.2)	5 (20.8)	4.20	.415	Tinggi
B8	Saya berasa gembira sepanjang melaksanakan pembelajaran menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i>	0	1 (4.2)	4 (16.7)	14 (58.3)	5 (20.8)	3.96	.750	Tinggi
B9	Saya tidak bosan menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i> semasa belajar Jawi	0	0	8 (33.3)	14 (58.3)	2 (8.3)	3.70	.690	Sederhana
B10	Saya berasa teruja menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i> untuk aktiviti pembelajaran yang seterusnya	0	0	7 (29.2)	15 (62.5)	2 (8.3)	3.79	.588	Sederhana
B11	Saya semakin berminat belajar Jawi dengan menggunakan KALIS Jawi dan <i>Traveling File</i>	0	0	0	18 (75)	6 (25)	4.25	.442	Tinggi
Min Keseluruhan							3.98	.460	

Jadual 5 menunjukkan nilai skor tertinggi adalah (min=4.25, sisihan piawai =0.442) iaitu murid semakin berminat belajar jawi dengan menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File* dan diikuti dengan nilai (min=4.20, sisihan piawai=0.415) oleh item B7. Analisis dapatan kajian membuktikan murid gembira sepanjang melaksanakan pembelajaran menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File* adalah (min=3.96, sisihan piawai =0.750). Walaupun kekerapan tertinggi responden adalah setuju (58.3%) namun terdapat 4.2% responden tidak setuju dan 16.7% kurang setuju kerana tidak berasa gembira.

Terdapat juga skor yang menunjukkan tahap interpretasi yang sederhana yang perlu diberi perhatian. Sikap keterujaan murid menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File* untuk aktiviti yang seterusnya adalah (min=3.79, sisihan piawai =0.588). Item bagi murid tidak bosan menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File* semasa belajar jawi (min=3.70, sisihan piawai =0.690) adalah paling rendah berbanding skor min item yang lain. Secara keseluruhannya,

analisis kajian mendapati minat dan sikap murid terhadap penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* masih berada pada tahap tinggi iaitu ($\text{min}=3.98$, sisihan piawai $=0.460$).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* dapat memberikan impak yang positif dan peningkatan terhadap kemahiran menyambung huruf jawi serta tahap minat dan sikap murid. Dalam bidang pendidikan kemahiran menulis itu penting termasuklah tulisan jawi yang semakin hari dilupakan. Kajian ini juga membuktikan kemahiran menyambung huruf Jawi dapat ditingkatkan. Berdasarkan kepada ujian pra dan ujian pasca yang dilaksanakan dapat dilihat peratus pencapaian murid meningkat daripada 45.8% kepada 70% selepas kajian dijalankan. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan Dalilah Desa (2008); Sharifah Norhaliza (2013); Naziroh (2015); Ainul Husna (2016); Sapie Sabilan et al. (2018); Fauziah Md Jaafar et al. (2017); Azrulhizam Shapii et al. (2020); Mohd Hatta Mohamed Ali et al. (2021) yang menggunakan bahan bantu belajar serta kaedah pengajaran bagi meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran jawi. Sebagaimana kajian-kajian sebelum ini, pengkaji juga menggunakan bahan dan kaedah yang sesuai dengan keadaan dan kemampuan murid terlibat.

Kajian turut menunjukkan majoriti murid dapat membezakan huruf jawi yang boleh bersambung dan yang tidak boleh bersambung dengan huruf selepasnya kerana ingat akan warna yang digunakan. Penggunaan tiga jenis warna lampu isyarat iaitu merah, hijau dan kuning memudahkan murid untuk mengingat dan mengelaskan huruf-huruf jawi pada kelompoknya. Seiring dengan pandangan Baharuddin Aris (2002) dan Nornajidah (2008) bahawa warna lebih memberikan rangsangan ingatan kepada murid berbanding bentuk dan penggunaan warna bagi Anggi Dwi Astuti dan Yossi Kusumarita (2020) dalam pembelajaran kanak-kanak meningkatkan motivasi belajar dan menimbulkan rasa gembira untuk belajar. Bukan itu sahaja, malahan murid didapati lebih faham cara untuk menyambung huruf jawi serta dapat membantu murid membuat latihan jawi dengan betul. KALIS Jawi dan *Traveling File* yang digunakan oleh murid dilihat dapat membantu mencapai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan prestasi murid sebelum ini. Bertepatan dengan pandangan Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2012); Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010); Nur Atiqah dan Noornajihan (2018); Hamir Hamzah dan Mohamad Hilmi (2019) bahawa bahan bantu mengajar yang memiliki idea yang jelas dan menarik memainkan penting dalam proses pembelajaran murid.

Namun begitu, kajian turut menunjukkan terdapat segelintir murid yang masih tidak ingat bentuk huruf jawi apabila dirangkaikan dengan huruf jawi yang lain. Dalam tulisan jawi, keadaan rupa bentuk huruf jawi apabila bersambung dengan huruf yang lain adalah sangat penting kerana sekiranya bentuknya tidak tepat maka perkataan yang ditulis juga salah. Dalam kemahiran menulis jawi, selain daripada titik-titik yang terdapat pada huruf jawi, rupa bentuk huruf apabila bersambung juga mesti diberi penekanan utama. Selain itu, faktor kesediaan murid untuk belajar dan perhatian yang diberikan di dalam kelas ketika proses pembelajaran boleh menjadi penyumbang kepada ingatan murid yang mudah lupa terhadap bentuk huruf yang boleh bersambung. Tidak dapat dinafikan setiap murid juga mempunyai daya ingatan yang berbeza. Proses mendapat ilmu, menyimpan, mengingat dan seterusnya menggunakan ilmu yang dipelajari bergantung kepada perkembangan kognitif murid mengikut umur dan tahap

masing-masing (Mohd Razimi Hussin, 2016). Murid yang mempunyai tahap kognitif rendah memerlukan masa yang lebih panjang untuk menerima, mengingat dan memproses maklumat yang diperoleh.

Selain itu, kajian ini turut menunjukkan sikap dan minat murid adalah pada tahap yang tinggi setelah penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File*. Sikap dan minat dalam pembelajaran juga adalah penyumbang terhadap peningkatan pencapaian murid. Jika murid tidak berminat untuk belajar maka pencapaian murid akan turut terjejas sebagaimana dapatan kajian Suzana et al. (2016) menjelaskan penguasaan jawi merosot disebabkan oleh kurangnya minat untuk belajar jawi. Justeru itu, bagi menarik minat murid, guru berperanan untuk mempelbagaikan kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar murid tidak mudah bosan pada cara penyampaian guru di dalam kelas. Oleh sebab itu, kaedah dan teknik yang pelbagai mestilah diaplikasikan oleh guru-guru Pendidikan Islam bagi membangkitkan minat murid untuk terus belajar (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi, 2019).

Kajian mendapati murid semakin berminat belajar jawi dan lebih bersemangat selepas mengikuti pelajaran jawi menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File*. Murid juga didapati berasa gembira sepanjang melaksanakan pembelajaran. Perasaan seperti ini menggambarkan rasa seronok dan tidak bosan. Sebagaimana pandangan Adly dan Mardzelah (2016) bahawa minat kanak-kanak terhadap ilmu dapat dipupuk apabila guru dapat melaksanakan PdPc yang menyeronokkan. Kajian ini juga mendapati ramai murid tidak bosan dan berasa teruja untuk menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File* untuk aktiviti pembelajaran yang seterusnya. Keadaan ini menggambarkan walaupun tanpa penggunaan alat-alat peranti serta teknologi dan maklumat, murid sekolah rendah ini masih tetap berasa seronok dan gembira apabila belajar. Selari dengan Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010); Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011), penentuan metod pengajaran dan penggunaan BBM bergantung kepada keadaan dan kehendak semasa pendidikan yang sesuai dengan murid. Hal ini kerana keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah bergantung kepada kecanggihan teknologi dan maklumat semata-mata namun penyampaian guru yang berkesan berkenaan isi kandungan pelajaran juga dapat meningkatkan pencapaian murid.

Walaubagaimanapun, tidak dinafikan penggunaan bahan mengajar berasaskan teknologi maklumat yang lebih interaktif dan menarik dapat meningkatkan lagi minat dan sikap murid untuk belajar seiring dengan arus kemodenan yang menitikberatkan kemajuan industri revolusi. Penggunaan teknologi dan maklumat menurut Hasnuddin Ab Rahman, Norfaizuryana Zainal dan Nor Azzarhton Ab Karim (2015) dari sudut meningkatkan kefahaman murid bukanlah menjadi pilihan utama tetapi penggunaannya menjurus kepada menarik minat murid untuk belajar. Berdasarkan hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat segelintir murid yang didapati kurang setuju bahawa penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* adalah tidak membosankan. Keadaan ini menggambarkan segelintir murid ini lebih cenderung dan berminat dengan penggunaan teknologi, gajet atau permainan berbanding bahan bantu mengajar yang maujud dan konkrit.

Kesimpulannya, peningkatan pencapaian yang ditunjukkan oleh murid dalam intervensi yang dijalankan ini menunjukkan terdapat perubahan yang baik dari aspek kemahiran menyambung huruf jawi. Selain dapat membezakan huruf-huruf jawi yang boleh disambung dan yang tidak boleh disambung, murid juga ingat dan tahu bentuk huruf Jawi apabila disambung dengan huruf jawi yang lain. Latihan tulisan Jawi juga dapat dibuat dengan betul

selepas intervensi dijalankan. Sikap dan minat murid dalam pembelajaran Jawi juga didapati berada pada tahap tinggi selepas menggunakan KALIS Jawi dan *Traveling File*.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* memberikan kesan yang positif ke atas murid sama ada dari segi kemahiran menulis serta perubahan sikap dan minat murid terhadap pembelajaran Jawi. Intervensi KALIS Jawi dan *Traveling File* yang digunakan dalam kajian ini dapat meningkatkan kemahiran murid dalam tulisan jawi. Secara tidak langsung pencapaian murid juga menjadi lebih baik dan meningkat. Penggunaan KALIS Jawi juga dapat membantu murid untuk belajar sendiri di rumah sekiranya PDPR masih berterusan. Murid juga dapat menjadikan pengalaman belajar di sekolah untuk diaplikasikan pula di rumah tanpa bimbingan guru.

Kajian lanjutan berkaitan KALIS Jawi dan *Traveling File* dicadangkan agar dapat mengenal pasti perbezaan dan punca kelemahan murid dari aspek lokasi kajian sama ada di bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman di Sarawak. Selain itu, dapat diperluaskan lagi di Sekolah Kebangsaan bagi mengkaji perbezaan yang signifikan pencapaian murid antara Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada para pengkaji lain berkaitan bidang jawi khususnya dalam tajuk menyambung huruf-huruf jawi. Selain itu, diharapkan penggunaan KALIS Jawi dan *Traveling File* ini juga dapat membantu murid-murid lain untuk meningkatkan kemahiran, minat dan sikap serta motivasi mereka dalam pembelajaran jawi.

RUJUKAN

- Adly Md. Hafidzin & Mardzelah Makhsin. 2016. Kesan play-based learning terhadap afektif murid pemulihan jawi j-qaf di sekolah rendah. *Proceeding of ICECRS: International Seminar on Generating Knowledge through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016*, hlm. 587-598.
- Ainul Husna Mohamed. 2016. Teknik nyanyian dan permainan karom membantu murid tahun satu mengenali kedudukan dan bilangan titik huruf jim,cha, ha dan kha dengan betul. Kertas projek Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Aishatul Rodziah Haji Robian & Mardzelah Makhsin. 2014. Kesan pengajaran konstruktivisme terhadap keseronokan belajar Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education 2014*, hlm. 567-575.
- Anggi Dwi Astuti & Yossi Kusumarita. 2020. Tinjauan komposisi warna ruang kelas terhadap minat belajar anak (studi kasus taman kanak-kanak Tnegerang). *Jurnal Seni Rupa dan Design* 1(2): 121-136.
- Asyraf Ridhwan Ali. 2013. Pelestarian pengajiaan jawi dalam mendidik murid-murid di sekolah rendah orang Asli. *Prosiding Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013), Selangor: Kolej Univesiti Islam Antarabangsa Selangor Universiti Sultan Zainal Abidin, 7-8 September 2013*.

- Azrulhizam Shapii, Zainal Rasyid Mahayuddin & Sabrina Othman. 2020. Jom jawi: meningkatkan penguasaan bahasa jawi di kalangan murid sekolah rendah menggunakan media interaktif. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(3): 212-230.
- Beaty & Pratt. 2007. *Early Literacy in Preschool and Kindergarten: A Multicultural Perspective*. University of Virginia: Pearson Merill.
- Dalilah Desa. 2008. Meningkatkan penguasaan kemahiran menulis jawi dan mengenal huruf tunggal jawi yang boleh dan tidak boleh disambung dengan kaedah dalil avu zar zad. Tesis tidak diterbitkan, Labuan.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah. 2009. Penguasaan tulisan jawi di kalangan mahasiswa pengajian Islam: kajian di institute pengajian tinggi awam (ipta) tempatan. *Jurnal At-Tamadun* 4: 145-156.
- Faridah Che In & Saifulnizam Zakaria. 2017. Keberkesanan kaedah pengajaran melalui pembelajaran koperatif: Satu kajian tindakan terhadap kursus cost management accounting 2. *e-Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*.
- Fauziah Md Jaafar, Ragisah Osman, Khaliza Saidin & Nurhafizah Abdan. 2017. Kesan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap pencapaian akademik penguasaan kemahiran jawi. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences* 19: 58-70.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. 2019. Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar meguasi ilmu tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 6(1): 8-17.
- Hasnuddin Ab Rahman, Norfaizuryana Zainal & Nor Azzarahton Ab Karim. 2015. Keberkesanan penggunaan ict di dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam bagi sekolah kebangsaan desa pandan kuala lumpur. *International Conference on Information Technology & Society 8-9 June 2015*, hlm. 238-252.
- Jaslinah Makantal & Hillary Tay @ Hillary Clement. 2019. Penggunaan “my panto” dalam pengajaran kemahiran awal menulis untuk kanak-kanak pra sekolah. *International Conference on Special Education in Southeast Asia Region*, hlm. 172-182.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. 2012. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Liong,Teen Ten, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & anuar Ahmad. 2019. Factors influencing non-chienese parents decision in schooling national-type chienes primary school (sjkc). *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH)* 2: 247-252.
- Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Nazer Ishak. 2017. Tinjauan pelaksanaan pengurusan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina daerah kota Setar. *The Online Jurnal of Islamic Education* 5(1): 12-19.
- Mohamad Radhi Mohamad Yusof & Hafizhah Zulkifli. 2021. Tahap kefahaman dan kemahiran pengajaran matapelajaran jawi dalam kalangan guru pendidikan islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5:39-45.
- Mohd Eezani Hamdzah & Shahlan Surat. 2020. Pemupukan minat terhadap jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Personalia Pelajar* 23(2): 103-109.
- Mohd Hatta Mohamed Ali, Anwar Hafidzi, Juliana Mohamed, Mariam Abdul Hamid, Ida Aryanie Bahrudin & Norazman Abdul Samad. 2021. The developmnet of mobile

- kearning (m-learning) apps adik-adik jawi to enhance learning experinece in arabic calligraphy. *Journal of Quranic Sciences and Research* 2(1): 27-34.
- Mohd Razimi Hussin. 2016. Gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan j-qaf. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah & Roslee Talip. 2014. Motivasi sebagai 'mediator' antara proses pengajaran dan bimbingan guru dengan pembelajaran terarah sendiri (ptk) pelajar: satu kajian menggunakan 'model sem/amos'. *Jurnal Sains Humanika* 2(4): 127-132.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. 2016. Amalan pengajaran jawi dalam pendidikan masa kini: Suatu tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(2): 70-85.
- Naziroh Ibrahim. 2015. Kesan modul pemulihan intensif dan berterusan terhadap kemahiran membaca dan menulis jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam* 22:161-172.
- Normazidah Mahmood. 2012. Penggunaan kaedah pengajaran bahasa arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: satu penilaian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan.
- Nornajidah A. Rahman. 2008. Pembangunan modul panduan pemilihan kombinasi warna bagi rekabentuk skrin dalam pembangunan aplikasi multimedia dan lama web. Tesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Atiqah Abdul Aziz & Noornajihan Jaafar. 2018. Penguasaan pembelajaran al-quran berbantuan aplikasi multimedia interaktif smart iqra': kajian di sekolah kebangsaan pendidikan khas alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 2(2): 24-36.
- Sapie Sabilan, Mohd Borhan Jamaluddin & Siti Ngai'sha Mohni. 2018. Penggunaan kad warna jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi. *International Conference on Research and Education 2018, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.
- Shakila Ahmad, Hussin Othman, Rafiudin Afkari, Mikdar Rusdi & Hisyam Abdul Rahim. 2011. Tulisan jawi sebagai warisan peradaban bangsa: analisa dari aspek cabaran semasa. *Conference World Congress For Islamic History and Civilization, Oktober 2011*, hlm. 1-9.
- Sharifah Noorhaliza Wan Madehi. 2012. Penggunaan kad geng jawi dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf-huruf jawi. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL, Tahun 2012*, hlm. 191-203.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi mutimedia dalam pengajaran dan pembelajaran j-qaf. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 53-64.
- Suzana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad & Azman Ahmad. 2016. Statistik penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekola rendah agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(2): 50-63.